

PENGAJARAN DARIPADA  
**AL-NAZI'AT**

النَّازِعَاتُ

USTAZ MUSTAZAH BAHARI

## **Pengenalan**

Alhamdulillah, segala puji bagi Allah Tuhan yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang. Yang mencipta alam dengan sifat-sifat-Nya yang sempurna.

Selawat dan salam ke atas junjungan mulia Nabi Muhammad s.a.w yang membawa Rahmah ke seluruh alam.

Syukur kepada Allah s.w.t yang memberi nikmat peluang untuk memberi sokongan dan khidmat kepada Darul Tafsir, Masjid Alkhair bagi menjayakan projek penghasilan bahan-bahan tafsir dan tadabbur al-Quran.

Seterusnya ucapan terima kasih kepada kepimpinan Masjid Alkhair yang memberi peluang dan kepercayaan kepada penulis untuk berkongsi sedikit ilmu yang dikurniakan Allah bagi menjayakan projek ini.

Usaha kerdil ini bertujuan untuk mengajak kaum muslimin dan muslimat kepada tadabbur ayat-ayat al-Quran yang diturunkan khas untuk umat Muhammad s.a.w.

Ia berpenampilan ringkas untuk mudah memahami intipati yang ingin disampaikan kepada kita. Ia ibarat jambatan untuk meneroka tafsiran lanjut yang boleh didapati dari kitab-kitab tafsir yang ulung. Para pembaca yang ingin mengetahui lebih lanjut akan perincian ayat-ayat yang dibaca, boleh merujuk kepada pelbagai kitab tafsir yang sedia ada.

## **Metodologi**

Bagi memastikan usaha ini berpandukan tafsiran yang betul, penulis telah mengambil beberapa rujukan asas dari kitab-kitab tafsir yang berwibawa seperti, Tafsir Ibn Kathir, Tafsir al-Qurtubi, Aysar al-Tafasir dan yang lain-lain.

Dari sudut terjemahan pula, penulis merujuk kepada beberapa terjemahan secara fizikal dan online. Selanjutnya penulis melakukan olahan yang sesuai untuk memberikan maksud yang lebih mudah difahami menurut konteks bahasa Melayu.

Penulis tidak menghuraikan lebih lanjut ayat-ayat yang jelas dan *straightforward*. Memadai dengan membaca terjemahan untuk memahami maksud ayat. Jika terdapat keperluan untuk menghuraikan lebih lanjut maksud dari sesuatu perkataan atau ayat, ia diletak di bahagian nota kaki secara ringkas.

Usaha ini pasti tidak sempurna. Pasti ada banyak lagi panduan yang boleh dikongsi. Hanya yang diharapkan agar ia dapat menarik perhatian para pembaca untuk

mengetahui lebih lanjut apakah lagi ilmu-ilmu yang terkandung dalam tafsiran ayat-ayat al-Quran yang boleh dijadikan pedoman untuk diamalkan.

Akhir kalam, segala yang baik datang dari Allah, yang lemah dan serba kekurangan datang dari insan yang kerdil lagi hina ini. Semoga apa yang diusahakan mendapat Rahmat dan Redha Allah s.w.t.

Mustazah Bahari

Rabiulawal 1445.

# Surah al-Nazi'at

## **Pengenalan**

Surah Makkiyah mengandungi 46 ayat.

## **Kelebihan surah al-Nazi'at.**

Tiada periwayatan yang sahih daripada Nabi s.a.w mengenai kelebihan surah al-Nazi'at secara khusus. Namun secara umumnya, setiap ayat dan surah di dalam al-Quran adalah mukjizat serta petunjuk kebaikan bagi seluruh manusia.

## بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

### Firman Allah

وَالنَّازِعَاتِ غَرْقًا (١) وَالنَّاشِطَاتِ نَشْطًا (٢) وَالسَّابِحَاتِ سَبْحًا (٣) فَالسَّابِقَاتِ سَبْقًا (٤) فَالْمُدَبِّرَاتِ أَمْرًا (٥) يَوْمَ تَرْجُفُ الرَّاجِفَةُ (٦) تَتْبَعُهَا الرَّادِفَةُ (٧) قُلُوبٌ يَوْمَئِذٍ وَاجِفَةٌ (٨) أَبْصَارُهَا خَاشِعَةٌ (٩) يَقُولُونَ إِنَّا لَمَرْدُودُونَ فِي الْحَافِرَةِ (١٠) أَإِذَا كُنَّا عِظَامًا نَخِرَةً (١١) قَالُوا تِلْكَ إِذًا كَرَّةٌ خَاسِرَةٌ (١٢) فَإِنَّمَا هِيَ زَجْرَةٌ وَاحِدَةٌ (١٣) فَإِذَا هُمْ بِالسَّاهِرَةِ (١٤)

*Demi<sup>1</sup> (malaikat-malaikat yang mencabut nyawa) dengan keras. 2. Demi (malaikat-malaikat yang mencabut nyawa) dengan lemah lembut. 3. Demi (malaikat-malaikat yang turun dari langit) dengan cepat. 4. Demi (malaikat-malaikat yang melakukan tugas) dengan berlomba-lomba. 5. Demi (malaikat-malaikat yang mengatur) urusan (dunia). 6. Pada hari<sup>2</sup> (ketika bumi) bergoncang (kerana sangkakala pertama). 7. (Sangkakala pertama) itu diiringi oleh sangkakala (kedua). 8. Hati manusia pada waktu itu sangat takut. 9. Pandangannya tunduk. 10. Mereka (orang-orang yang inkar) berkata, 'Apakah sesungguhnya kami benar-benar dikembalikan hidup seperti keadaan di dunia dahulu? 11. Apakah (akan dibangkitkan juga) apabila kami telah menjadi tulang belulang yang hancur lumat?' 12. Mereka berkata, "Kalau demikian, itu adalah suatu pengembalian yang merugikan." 13. Sesungguhnya pengembalian itu hanyalah dengan satu kali tiupan sahaja. 14. Maka dengan serta merta mereka hidup kembali di permukaan bumi.*

### Tadabbur Ayat

Hari kiamat adalah benar dan perlu berlaku bagi membuktikan janji Allah yang benar dan mengembalikan hak-hak manusia yang dirampas tanpa hak di dunia ini. Allah dengan sifat Rahmah-Nya sekali lagi mengingatkan manusia tentang hari kiamat agar mereka bersiap sedia menghadapi hari itu dengan melakukan kebaikan dan keadilan di dunia ini. Manusia yang tetap tabah dan sabar dalam melakukan ketaatan dan kebaikan tidak akan dihina dan kecewa di akhirat. Itulah janji Allah yang Maha Benar.

<sup>1</sup> Perhatikan ayat-ayat yang mengandungi sumpah Allah s.w.t dengan sebilangan makhluk-makhluk-Nya. Apabila Allah bersumpah, Dia ingin menyampaikan sesuatu yang amat penting dan besar bagi manusia.

<sup>2</sup> Inilah perkara yang amat besar iaitu hari kiamat yang Allah bersumpah dengan para malaikat-Nya untuk menegaskan betapa besarnya hal hari kiamat bagi manusia agar mereka bersiap sedia menghadapinya.

## Aplikasi Ayat

- ❖ Terus tabah dan sabar dalam melakukan kebaikan dan ketaatan kepada Allah.
- ❖ Jangan putus berdoa agar selamat di akhirat kelak.

## Firman Allah

هَلْ أَتَاكَ حَدِيثُ مُوسَى (١٥) إِذْ نَادَاهُ رَبُّهُ بِالْوَادِ الْمُقَدَّسِ طُوًى (١٦) اذْهَبْ إِلَى فِرْعَوْنَ إِنَّهُ طَغَى (١٧) فَقُلْ هَلْ لَكَ إِلَى أَنْ تَزَكَّى (١٨) وَأَهْدِيكَ إِلَى رَبِّكَ فَتَخْشَى (١٩) فَأَرَاهُ الْآيَةَ الْكُبْرَى (٢٠) فَكَذَّبَ وَعَصَى (٢١) ثُمَّ أَدْبَرَ يَسْعَى (٢٢) فَحَشَرَ فَنَادَى (٢٣) فَقَالَ أَنَا رَبُّكُمُ الْأَعْلَى (٢٤) فَأَخَذَهُ اللَّهُ نَكَالَ الْآخِرَةِ وَالْأُولَى (٢٥) إِنَّ فِي ذَلِكَ لَعِبْرَةً لِمَنْ يَخْشَى (٢٦)

15. Sudahkah sampai kepadamu (wahai Muhammad) kisah Musa.<sup>3</sup> 16. Tatkala Tuhannya memanggilnya di lembah suci (iaitu) Lembah Tuwa. 17. "Pergilah kamu kepada Fir'aun, sesungguhnya dia telah melampaui batas. 18. Dan katakanlah (kepada Fir'aun), "Adakah kamu ingin membersihkan diri (dari kekufuran)? 19. Dan aku memimpin kamu ke jalan Tuhanmu supaya kamu takut kepada-Nya?" 20. Lalu Musa memperlihatkan kepadanya mukjizat yang besar.<sup>4</sup> 21. Tetapi Fir'aun mendustakan dan mendurhakai. 22. Kemudian dia berpaling seraya berusaha menentang (Musa). 23. Maka dia mengumpulkan (pembesar-pembesarnya), lalu berseru memanggil kaumnya. 24. (Seraya) berkata, "Akulah Tuhan kamu yang paling tinggi." 25. Maka Allah mengazabnya dengan azab di akhirat dan azab di dunia.<sup>5</sup> 26. Sesungguhnya pada yang demikian itu terdapat pelajaran bagi orang yang takut (kepada kemurkaan dan azab Tuhannya).

## Tadabbur Ayat

Hati yang takabbur dan sombong memang sukar menerima kebaikan walau banyak mana sekalipun diberi petunjuk dan nasihat. Hanya Allah sahaja yang layak bersifat

---

<sup>3</sup> Kaitan ayat ini dengan ayat-ayat yang sebelumnya adalah sebagai petunjuk kepada Nabi s.a.w bahawa dahulu Nabi Musa yang diutuskan oleh Allah juga menghadapi pengikaran dari Firaun dan kaumnya. Mereka menolak perutusan Nabi Musa dan menafikan kehidupan dan balasan di akhirat. Justeru sabar dan tabah lah wahai Nabi Muhammad terhadap pengikaran kaummu sendiri.

<sup>4</sup> Mukjizat tongkatnya yang berubah menjadi ular dan tangannya yang bersinar cahaya.

<sup>5</sup> Azab di dunia berupa tenggelam di dasar laut lalu mati dan azab di akhirat pula berupa azab neraka yang disediakan bagi Firaun.

sombong kerana Dia Maha Kuasa dan Pemilik alam ini<sup>6</sup>. Dia tidak bergantung kepada sesiapa atau apa jua pun dari ciptaan-Nya. Dia tidak memerlukan sebarang bantuan untuk mentadbirkan alam ini. Sebaliknya manusia sombong seperti Firaun tidak mampu mengendalikan urusan negaranya dengan sendiri. Tanpa bantuan dari pegawai-pegawainya, dia tidak mampu untuk mentadbir urusan kerajaannya. Justeru bagaimana orang seperti Firaun boleh mendakwa dia adalah tuhan yang tinggi?!

### **Aplikasi Ayat**

- ❖ Jaga hati dari terkena wabak penyakit sombong kerana ia membinasakan.
- ❖ Selalu meminta keampunan dari Allah jika terasa diri lebih mulia dan hebat dari orang lain.

---

<sup>6</sup> Berpandukan hadis Qudsi, "Kesombongan adalah selendang-Ku, dan keagungan adalah sarung-Ku. Maka barangsiapa mengambil salah satu dari keduanya dari-Ku, nescaya Aku campakkan dia ke neraka." (H.R. Abu Daud)

## **Firman Allah**

أَأَنْتُمْ أَشَدُّ خُلُقًا أَمْ السَّمَاءُ بَنَاهَا (٢٧) رَفَعَ سَمَكَهَا فَسَوَّاهَا (٢٨) وَأَعْطَشَ لَيْلَهَا وَأَخْرَجَ ضُحَاهَا (٢٩)  
وَالْأَرْضَ بَعْدَ ذَلِكَ دَحَاهَا (٣٠) أَخْرَجَ مِنْهَا مَاءَهَا وَمَرْعَاهَا (٣١) وَالْجِبَالَ أَرْسَاهَا (٣٢) مَتَاعًا لَكُمْ  
وَلِأَنْعَامِكُمْ (٣٣)

27. Apakah kamu yang lebih sukar untuk diciptakan atau langit?<sup>7</sup> Allah yang telah membangunkannya. 28. Dia meninggikan bangunan (langit itu), lalu menyempurnakannya. 29. Dan Dia menjadikan malamnya gelap gelita dan menjadikan sianginya terang benderang. 30. Dan bumi sesudah itu dihamparkan-Nya. 31. Dia memancarkan darinya mata airnya, dan (menumbuhkan) tumbuh-tumbuhannya. 32. Dan gunung-gunung dikukuhkan dengan teguh. 33. (semua itu) Untuk kesenangan kamu dan untuk binatang-binatang ternakanmu.

## **Tadabbur Ayat**

Sekali lagi terbukti Rahmat Allah itu terlalu luas sehingga Dia menyediakan pelbagai nikmat bagi kemudahan manusia di dunia. Manusia tidak diminta untuk membalas setiap nikmat itu pun tetapi apa yang perlu dilakukan adalah mengabdikan diri kepada-Nya dengan mentauhidkan-Nya dan tidak melakukan syirik kepada-Nya.

## **Aplikasi Ayat**

- ❖ Syukuri nikmat-nikmat Allah yang diberi dengan melaksanakan ketaatan dan kebaikan.
- ❖ Banyakkan ucapan tasbih bagi memuji Allah Yang Maha Agung.

---

<sup>7</sup> Ciptaan langit lebih besar dari ciptaan manusia seperti yang disebutkan pada surah Ghafir ayat 57 yang bermaksud, "Sesungguhnya ciptaan langit dan bumi lebih besar dari ciptaan manusia, tetapi kebanyakan manusia tidak mengetahui". Ayat ini menegaskan bahawa menghidupkan manusia untuk perhitungan di hari kiamat adalah amat mudah.



## Firman Allah

فَإِذَا جَاءَتِ الطَّامَةُ الْكُبْرَى (٣٤) يَوْمَ يَتَذَكَّرُ الْإِنْسَانُ مَا سَعَى (٣٥) وَبُرْزَتِ الْجَحِيمُ لِمَنْ يَرَى (٣٦)  
فَأَمَّا مَنْ طَعَى (٣٧) وَآثَرَ الْحَيَاةَ الدُّنْيَا (٣٨) فَإِنَّ الْجَحِيمَ هِيَ الْمَأْوَى (٣٩) وَأَمَّا مَنْ خَافَ مَقَامَ رَبِّهِ  
وَهَمَى النَّفْسَ عَنِ الْهَوَى (٤٠) فَإِنَّ الْجَنَّةَ هِيَ الْمَأْوَى (٤١) يَسْأَلُونَكَ عَنِ السَّاعَةِ أَيَّانَ مُرْسَاهَا (٤٢)  
فِيمَ أَنْتَ مِنْ ذِكْرَاهَا (٤٣) إِلَىٰ رَبِّكَ مُنْتَهَاهَا (٤٤) إِنَّمَا أَنْتَ مُنذِرٌ مَنِ يَخْشَاهَا (٤٥) كَأَنَّهُمْ يَوْمَ يَرَوْنَهَا  
لَمْ يَلْبُثُوا إِلَّا عَشِيَّةً أَوْ ضُحَاهَا (٤٦)

34. Maka apabila malapetaka yang sangat besar (hari kiamat) telah datang. 35. Pada hari (itu) manusia teringat akan apa yang telah dikerjakannya. 36. Dan diperlihatkan neraka dengan jelas kepada setiap orang yang melihat. 37. Adapun orang yang melampaui batas. 38. Dan lebih mengutamakan kehidupan dunia. 39. Maka sesungguhnya nerakalah tempat tinggal (nya). 40. Dan adapun orang-orang yang takut kepada kebesaran Tuhannya dan menahan diri dari keinginan hawa nafsunya. 41. Maka sesungguhnya syurgalah tempat tinggal(nya). 42. (Orang-orang yang inkar) bertanya kepadamu (Muhammad) tentang hari kebangkitan, bila ia terjadi? 43. Siapakah kamu (sehingga) dapat menyebutkan (waktunya)<sup>8</sup>? 44. Kepada Tuhanmulah dikembalikan kesudahannya (ketentuan waktunya). 45. Kamu hanyalah pemberi peringatan bagi siapa yang takut kepadanya (hari kiamat). 46. Pada hari mereka melihat hari kiamat itu, mereka merasa seakan-akan tidak tinggal (di dunia) melainkan (sebentar sahaja) di waktu petang atau pagi hari.

## Tadabbur Ayat

Jelaslah janji Allah itu benar apabila berlakunya kiamat kelak. Bagi manusia yang beriman serta beramal dengan apa yang diperintahkan, dia akan mendapat kejayaan di akhirat kelak. Manakala jenis manusia yang inkar pula akan menyesal dan kecewa kerana sengaja menegabaikan petunjuk kebaikan yang disampaikan kepadanya dahulu. Golongan ini akan merasakan sendiri betapa ruginya mereka kerana tidak mengisi masa dalam kehidupan duniawi yang singkat dengan ketaatan dan kebaikan. Apa pun, tugas penyampai kebaikan hanyalah menasihati dan mengajak tanpa sebarang paksaan. Hanya Allah sahaja yang berhak untuk memberi balasan yang sesuai dan setimpal kepada sekalian hamba-Nya.

---

<sup>8</sup> Tiada siapa termasuk Nabi Muhammad s.a.w yang dapat memberi jawapan yang pasti mengenai waktu terjadinya kiamat itu kerana urusan kiamat hanya diketahui oleh Allah s.w.t sahaja.

### **Aplikasi Ayat**

- ❖ Kawal nafsu dalam diri agar sentiasa terarah untuk melakukan kebaikan. Apa sahaja perkara yang tidak menjadi keutamaan atau keperluan hidup baik ditinggalkan sahaja, jangan dituruti kehendak syahwat yang menggoda.
- ❖ Isi masa hidup di dunia yang sementara ini dengan segala kebaikan yang mampu dilakukan. Jangan dibiarkan kebanyakan masa hidup di dunia ini dengan melakukan perkara-perkara yang sia-sia dan mendatangkan dosa.

والله أعلم

# ***Terima Kasih***

HARAP ARTIKEL INI DAPAT MEMBERI  
MANFAAT KEPADA ANDA

اللَّهُمَّ إِنِّي أَسْأَلُكَ عِلْمًا نَافِعًا، وَرِزْقًا طَيِّبًا، وَعَمَلًا مُتَقَبَّلًا

Ya Allah, aku memohon kepada-Mu ilmu yang bermanfaat,  
rezeki yang halal dan baik, serta amal yang diterima.



**TERIMA KASIH  
KERANA  
MENYUMBANG  
KEPADA PROJEK  
TAFSIR 30 JUZ INI.**

Sokongan anda amat dihargai

Follow us on:  darultafsir.ak

**DARUL TAFSIR AL-KHAIR**